

TEKS UCAPAN PENGHARGAAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS ANUGERAH PENGIKTIRAFAN
PEROLEHAN RM2 JUTA KOPERASI
SEKOLAH**

**11 JANUARI 2024 (KHAMIS)
10.30 PAGI
KV TANAH MERAH, KELANTAN**

Terima kasih kepada Saudara/Saudari
Pengacara Majlis,

**SALUTASI DISEDIAKAN OLEH
PENGANJUR**

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Madani.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menghadiri Majlis Anugerah Pengiktirafan Perolehan RM2 Juta Koperasi Sekolah bersama

warga Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Berhad pada hari ini.

2. Sejujurnya, saya berasa sangat bertuah dan pada masa sama turut berbangga kerana dikelilingi oleh ahli koperasi muda yang hebat. Mewakili kerajaan khususnya ANGKASA, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kumpulan pengurusan, ALK

dan ahli Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Berhad kerana menjadi koperasi sekolah pertama yang telah berjaya mencapai perolehan RM2 juta!. Sudah pasti pencapaian ini adalah satu kebanggaan dan kejayaan terbesar buat Koperasi KV Tanah Merah.

3. Terima kasih juga kepada Seksyen Sekolah, IPT dan Belia, Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA di atas inisiatif menganjurkan majlis yang istimewa ini.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

4. Kejayaan mencapai perolehan RM2 juta adalah bukti tekad kesungguhan seluruh anggota koperasi KV Tanah Merah berhad dalam mencapai matlamat koperasi sepanjang 31 tahun penubuhannya.

5. Perolehan ini bukan sekadar angka, ia adalah cerminan kerja keras anda

semua yang telah bersatu hati mengorbankan masa serta tenaga untuk memastikan koperasi KV Tanah Merah menjadi perintis dalam mentransformasikan koperasi sekolah setaraf dengan perniagaan yang dijalankan oleh koperasi dewasa.

6. Saya yakin, kejayaan ini akan membuka lebih banyak peluang

kepada koperasi untuk berkhidmat kepada komuniti dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat sekitar sekaligus memperkukuhkan lagi kedudukan koperasi dalam industri menerusi inovasi dan peluang perniagaan yang lebih baik.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

8. Sektor koperasi memainkan peranan besar dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia dan menjadi sektor ketiga penyumbang ekonomi negara. Dalam hal ini, gerakan koperasi sekolah juga memainkan peranan penting setaraf dengan koperasi dewasa. Koperasi sekolah memberi peluang kepada

pelajar untuk mengembangkan kebolehan dan bakat mereka khususnya dalam bidang keusahawanan.

9. Adalah penting untuk pelajar memahami bahawa menjadi seorang usahawan yang berjaya, bukan sahaja keuntungan yang diberi perhatian. Nilai seperti

amanah, jujur, prihatin, gigih dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan adalah penting.

10. Nilai-nilai ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan usahawan cemerlang yang boleh menyumbang kepada ekonomi dan menjadikan Malaysia sebuah Negara

Keusahawanan menjelang 2030, seperti yang digariskan dalam Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN2030).

11. Koperasi sekolah pada masa kini, bukan sahaja sekadar menerapkan prinsip dan jati diri koperasi, tetapi ia juga menjadi sebahagian Dasar Pendidikan Kebangsaan, yang

menjadikan kokurikulum sekolah sebagai nadi utama mencorakkan generasi akan datang melalui sistem pendidikan yang menekankan nilai-nilai kemanusiaan yang bukan sahaja kaya budaya ilmunya, tetapi juga tinggi sahsiah dan adab dalam membentuk generasi MADANI.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

12. Sehingga tahun kewangan 2023, sebanyak 23 buah koperasi sekolah telah berjaya memperolehi perolehan melebihi RM1 juta dan berdasarkan statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sehingga 30 Jun 2023, bilangan koperasi sekolah yang berdaftar

dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah sebanyak 2485 buah dengan keanggotaan seramai 2,047,124 orang. Syer/yuran keanggotaan berjumlah RM29.79 juta telah berjaya menyumbang kepada pemilikan aset bernilai RM440.12 juta dan perolehan sebanyak RM227.48 juta.

13. Ini membuktikan Koperasi sekolah dapat membentuk hubungan yang kukuh antara pelbagai pihak dalam komuniti sekolah serta memberikan manfaat kepada ahli koperasi sekaligus memberi kontribusi kepada perkembangan pendidikan dan kesejahteraan komuniti sekolah.

14. Selain itu, dengan angka keanggotaan koperasi sekolah yang agak memberangsangkan, saya percaya koperasi sekolah juga mampu membantu kerajaan menangani isu-isu yang berkaitan dengan kepenggunaan. Contohnya, penjualan barang keperluan pada harga yang berpatutan dengan

bekalan terjamin melalui program Barang Asas 100 (BA100). BA 100 adalah jualan harga barangan runcit seperti beras, minyak, gula dan lain-lain untuk keperluan guru dan kakitangan dengan harga yang berpatutan seperti yang disarankan oleh kerajaan.

15. Oleh sebab manfaat ini jugalah ANGKASA sentiasa memberikan fokus kepada pembangunan koperasi sekolah baik dari segi membangunkan sahsiah dan juga membangunkan aktiviti perniagaannya agar dapat terlibat dengan sektor berimpak tinggi.

Para hadirin dan anak-anak yang saya kasihi sekalian,

16. Koperasi KV Tanah Merah Berhad yang beroperasi di bawah bimbingan Pengerusi Cemerlang Tuan Haji Che Asran Md. Amin dilihat secara aktif menggalakkan penglibatan murid dan gurunya dalam aktiviti koperasi bagi memberikan pendedahan awal

terhadap keusahawanan koperasi. Saya percaya, ini merupakan salah satu kunci kejayaan yang diperolehi oleh warga koperasi sekolah ini.

17. Menjadikan sektor peruncitan sebagai perniagaan utama koperasi, saya difahamkan KV Tanah Merah kini berjaya meraih kepercayaan banyak

pihak khususnya bagi membekalkan baju rasmi kolej (baju Korporat) kepada seluruh kolej vokasional dan sekolah teknik zon Kelantan Terengganu serta membekalkan baju korporat kepada 4 kolej vokasional di Pahang dan 1 kolej vokasional di Negeri Sembilan.

18. Selain itu aktiviti jualan koperasi yang diperluaskan seperti jualan kelengkapan sekolah (baju korporat, baju bengkel) kelengkapan asrama (cadar, t-shirt,) buku dan alat tulis, kemudahan fotostat, binding, laminate, makanan (roti & biskut), kemudahan dobi di asrama, sewa baju konvokesyen, sewaan kiosk, membuka

kiosk makanan, Kafe Siber dan minuman kotak & air mineral untuk pelajar asrama dan juga untuk semua warga sekolah amnya membuktikan transformasi besar-besaran Koperasi KV Tanah Merah berupaya mewujudkan pelbagai aktiviti perniagaan yang merangsang pertumbuhan ekonomi ahli-ahlinya.

Hadirin hadirat, para pelajar yang dikasihi sekalian,

19. Sekali lagi, sebagai Presiden ANGKASA, mewakili seluruh kepimpinannya, saya ucapkan tahniah dan syabas atas komitmen anda semua dalam menjadikan koperasi sekolah sebagai platform

berkesan mendidik dan membentuk anak – anak kita dengan nilai keushawanan koperasi.

20. Semoga kejayaan seperti ini diteruskan dan menjadi inspirasi bukan sahaja di Negeri Kelantan malah di Malaysia untuk berjaya dalam aktiviti perniagaan masing- masing.

21. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi penghargaan kerana kesudian menjemput saya ke majlis ini.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah.
Wassalamualaikum WBT.